

PENDIDIKAN AGAMA ISLAM DAN PENGLIBATAN DALAM GERAKAN ISLAM RADIKAL DALAM KALANGAN BELIA DI MALAYSIA

**Nursalimah Ahmad Raston, Yohan Kurniawan,
Noor Raihaini Zainol & Nurul Hasliana Hamsani**

Baru-baru ini, media tempatan dan antarabangsa melaporkan dua rakyat Malaysia dipercayai meletupkan diri sendiri demi perjuangan bersama penganas Daesh (*Malaysiandigest.com*, 2016). Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan Malaysia, mengesahkan individu terbabit adalah rakyat Malaysia iaitu Mohd Amirul yang baru berumur 26 tahun, berasal dari Terengganu, meletupkan bom yang ada padanya dalam sebuah kereta semasa pertempuran di kubu Daesh di Syria pada 29 Disember 2015. Manakala, Mohamad Syazwan, 31 tahun, adalah seorang dari tujuh pengebom berani mati yang meletupkan diri di pusat latihan polis Iraq di pengkalan tentera udara Speicher, Tikrit, pada 3 Januari 2016. Terdahulu, seorang pekerja kilang di Selangor iaitu Ahmad Tarmimi Maliki yang berumur 26 tahun, memandu kenderaan utiliti sukan (SUV) tentera jenis Hummers yang dilengkapi bahan letupan dan merempuh ibu pejabat SWAT di daerah Al-Anbar Iraq, mengakibatkan kematian 25 tentera Iraq pada 26 Mei 2014. Penglibatan belia dalam gerakan ini pada masa kini semakin membimbangkan kerana ramai belia di Malaysia yang menyertai kumpulan Islam radikal tanpa mengetahui secara jelas dan pasti kebenaran perjuangan kumpulan ini. Jiwa muda dan tidak matangnya golongan belia dalam membuat keputusan menyebabkan mereka mudah terlibat dalam gerakan ini. Ancaman yang paling membimbangkan ke atas penglibatan belia dalam gerakan ini adalah ketika mereka pulang ke Malaysia, mereka dikhuatiri akan membuat satu jaringan untuk menggulingkan kerajaan kerana ideologi mereka yang menganggap penubuhan negara Islam hanya melalui peperangan dan bukannya sistem demokrasi melalui pilihan raya yang diamalkan ketika ini (*Bernamea*, 2015).

Menurut laporan daripada *Malaysiandigest.com* (2016) juga, Ahmad Tarmimi dipercayai menjadi rakyat Malaysia pertama terbunuh sebagai pengebom berani mati. Sebelum itu, sememangnya terdapat beberapa kematian rakyat negara ini dalam peperangan di Syria tetapi bukan sebagai pengebom berani mati. Kejadian ini amat membimbangkan kerana Malaysia digambarkan sebagai sebuah negara yang mengamalkan kesederhanaan Islam atau wasatiyyah. Bertitik tolak daripada hal ini, timbulnya pelbagai ideologi yang bercirikan fahaman keras dan radikal ataupun ekstrem yang berpotensi mempengaruhi masyarakat sekeliling untuk melakukan tindakan yang melampaui batas seperti provokasi, ugutan, keganasan, penculikan, penderaan, rampasan, peperangan, pengeboman, pembunuhan dan sebagainya (*Zul'azmi & Ahmad Sunawari*, 2015). Kejadian ini boleh didapati melalui media elektronik mahupun media cetak sekaligus melahirkan persepsi Islam radikal atau Islam ekstremis dalam kalangan masyarakat dunia. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, radikal berkaitan dengan dasar atau asasnya (menyeluruh dan menjejaskan).

Kumpulan Islam radikal ISIS (*Islamic State of Iraq and Syria*) atau dikenali juga sebagai ISIL (*Islamic State of Iraq and The Levant*) atau sebagai IS (*Islamic State*) merupakan kumpulan gerakan Islam radikal yang wujud rentetan daripada gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri

daripada tiga organisasi jihad yang berbeza iaitu salah satu daripadanya adalah Ansar al-Islam yang terdiri daripada kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan ‘pemerintahan Islam’ tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islami radikal. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh kumpulan ini adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam (Portal Rasmi Fatwa Malaysia, 2014). Tegasnya, sangat penting bagi kerajaan untuk mengenal pasti dan mencegah penglibatan belia di Malaysia dalam kumpulan radikal ISIS. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap pemahaman agama dalam perjuangan jihad seterusnya memetakan faktor yang menyebabkan belia di Malaysia tertarik mengikuti kumpulan ISIS bagi tujuan pencegahan supaya jumlah belia yang terlibat dalam kumpulan radikal ini tidak semakin bertambah. Selain itu, kajian ini juga penting untuk membantu Kementerian Belia dan Sukan serta agensi kerajaan lain yang mempunyai belia sebagai klien membina kaedah pengajaran dan pendidikan yang berkesan bagi memberi kesedaran dan pemahaman kepada belia di Malaysia tentang ancaman serta ajaran sesat daripada kumpulan ISIS.

SOROTAN LITERATUR

Perkataan jihad berasal daripada kata kerja “jahada” yang bermaksud gigih berusaha dengan sepenuh jiwa raga sehingga mencapai matlamat di jalan Allah (fi sabilillah). Perkataan jihad bukan bermaksud *Holy War* atau Perang Suci, tetapi membawa maksud perjuangan dan usaha yang serius dan sejati ke atas diri sendiri dan juga masyarakat. Dalam Al-Quran, perkataan jihad ini disebut lebih daripada 40 kali. Sebahagian daripadanya membawa pengertian berjuang ke jalan Allah dan mempertahankan agama Islam secara umum (Mahmood Zuhdi, 2003). Antara contoh ayat berkenaan adalah firman Allah yang bermaksud:

“Dan berjihadlah kamu pada jalan Allah dengan jihad yang sebenar-benarnya”
(Surah al-Hajj 22:78)

“Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”
(Surah al-Ankabut 29:69)

Jihad melawan hawa nafsu merupakan perjuangan besar bagi setiap orang Islam. Nabi Muhammad S.A.W diutuskan oleh Allah S.W.T sebagai rahmat seluruh alam dan tujuan Baginda tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menyempurnakan akhlak manusia. Oleh itu, jihad besar ialah membetulkan diri sendiri dengan akhlak yang terpuji dan menjauhi perbuatan mungkar (Abdul Azis, 2012).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21-22 Oktober 2014 telah membincangkan Isu Umat Islam Malaysia yang Berjuang atas Nama ISIS. Antara hasil perbincangan setelah meneliti laporan penyelidikan yang telah diperakukan oleh Panel Pakar Akidah JAKIM dan kertas kerja yang disediakan serta meneliti fakta, hujah, dan pandangan yang dikemukakan, Muzakarah mendapati bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut Hukum Syarak. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam. Oleh itu, Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan gerakan radikal ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka Hukum Syarak.

Faktor Pemahaman Agama

Menurut Khadijah et al., (2013) agama merupakan satu anutan dan kepercayaan yang berkembang sebagai suatu ilmu pendidikan dalaman yang mengajar manusia mendalami serta menyelami jiwa sendiri serta hubungkaitnya dengan kekuasaan Tuhan. Selain daripada itu, agama turut memberi makna kepada kewujudan manusia dengan pengukuhan matlamat dan sistem nilai yang berkait dengan semua aspek nilai kehidupan. Berdasarkan kajian Rokhmad (2012), kebanyakan golongan muda yang mempunyai fikiran berlandaskan radikal adalah dalam kalangan siswa sekolah umum. Segelintir daripada mereka tidak memiliki dasar agama yang kuat sehingga menyebabkan mereka mudah dipengaruhi oleh kefahaman agama yang harfiah dan *instant*. Pengaruh fahaman radikal dalam kalangan siswa Sekolah Menengah Agama (SMA) kemungkinan berlaku disebabkan oleh kurangnya pendidikan agama sehingga memudahkan mereka membaca buku Islam yang berkaitan dengan radikal. Mengikut kajian yang dilakukan oleh Dzuhailmi et al., (2014) pula, pegangan agama dalam kalangan belia pelbagai kaum di Malaysia masih di tahap yang rendah, hal ini membolehkan mereka cenderung untuk melakukan aktiviti yang terpesong daripada agama seperti memperjuangkan hak keagamaan dari sudut yang salah.

Faktor Pengaruh Media Sosial

Media juga merupakan medium yang sangat penting dalam membantu penyebaran dakwah Islam. Ia mampu mendorong masyarakat serta mempengaruhi dunia menuju ke arah kebaikan, dan begitu juga sebaliknya (Rosli, 2011). Namun begitu, ia sering disalah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, yang mana peranan media massa yang paling ketara adalah menyebarkan informasi yang palsu iaitu propaganda dalam maklumat (Rosli, 2011). Secara tidak langsung maklumat diputar belit bagi menjaga kepentingan pihak tertentu. Kemudahan media baru juga digunakan untuk menceroboh dan mengganggu individu atau organisasi lain. Ia sukar dikawal kerana segalanya dihubungkan melalui rangkaian antarabangsa (Muhamad Zaki et al., 2011).

Faktor Pengaruh Persekitaran

Kemunculan pelbagai kelompok militan yang bercirikan fahaman radikal seperti IS ataupun ISIS menyebabkan aktiviti keganasan yang telah dilakukan dan bakal dilakukan tersebar luas menerusi media. Hal ini memberi kesan kepada golongan belia dalam mendedahkan mereka tentang kefahaman yang salah terhadap perjuangan Islam. Mengikut teori ekologi manusia, tingkah laku manusia terjadi hasil daripada interaksi dengan persekitaran (Miller, 2007). Teori pembelajaran sosial (Bandura, 1997) turut menekankan bahawa pembentukan tingkah laku manusia berlaku hasil daripada interaksi individu, persekitaran dan tingkah laku manusia itu sendiri. Tan Swee dan Rosnah, (2013) turut menyatakan sendiri muncul hasil daripada interaksi organisma dengan persekitarannya dan hasil ini mungkin menonjolkan nilai orang lain yang berbentuk positif atau negatif. Selain itu, berdasarkan kajian Zakaria (2012) manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana individu itu berada.

Faktor Kawalan

Keluarga dan sekolah merupakan dua institusi yang penting bagi mendidik golongan belia mengenai ilmu agama. Mengikut kajian Zul'Azmi dan Ahmad Sunawairi (2015), pihak berkuasa dikehendaki memantau institusi pendidikan sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah, madrasah, malah pusat pengajian tinggi dalam negara mahupun luar negara. Pemantauan dan pengawasan bukan sahaja perlu tertumpu kepada para pelajar, malah ia amat penting untuk difokuskan kepada tenaga pengajar kerana daripada individu sedemikian ideologi radikalisme mudah tersebar. Tambahan pula apabila ada dalam kalangan mereka pernah mempunyai pengalaman belajar ataupun menerima latihan di negara yang bergolak dengan peperangan. Kefahaman serta penyebaran mengenai Islam radikal juga boleh berlaku dengan jayanya melalui pengajaran yang disampaikan oleh guru, ustaz atau ustazah di sekolah.

Hal ini dibuktikan melalui kajian Rokhmad (2012) bahawa pendidikan dan lembaga pendidikan merupakan sumber yang kukuh untuk menjadi penyebar benih radikalisme dalam kalangan belia. Selain itu, kawalan daripada keluarga adalah merupakan elemen yang penting bagi memastikan didikan agama yang sempurna untuk anak-anak bagi mengelakkan mereka terlibat dalam gerakan radikal yang menyalahi syariat agama. Ibu bapa adalah merupakan individu paling rapat dengan anak dan menjadi kewajipan mereka untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab ke arah memperkukuh pendidikan agama anak, seterusnya memastikan mereka mempraktikkan ajaran agama dalam kehidupan seharian. Penekanan dalam mempraktikkan ajaran agama mampu menjadi perisai kepada anak-anak daripada terlibat dengan gejala sosial negatif yang boleh menghancurkan masa depan mereka. Pengetahuan dan amalan agama yang sempurna juga mampu menjadikan belia lebih rasional dalam menangani cabaran hidup dan seterusnya memaksimumkan segala potensi yang ada pada mereka untuk kemajuan diri, pembangunan agama, bangsa dan juga negara (Fauziah et al., 2012).

KAEDAH

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan kerja peninjauan kuantitatif. Populasi bagi kajian ini adalah semua belia yang beragama Islam di Malaysia. Seramai 1200 responden bagi kajian ini telah diambil melalui kaedah persampelan bertujuan dan persampelan rawak mudah di lima (5) zon di Malaysia. Data bagi kajian ini dikumpul dengan menggunakan borang kaji selidik yang terdiri daripada tujuh (7) bahagian iaitu latar belakang responden, pemahaman agama dan gerakan ISIS, pengaruh media, pengaruh persekitaran, faktor kawalan dan kecenderungan keterlibatan belia dalam Gerakan Islam Radikal. Analisa kajian ini adalah menggunakan SPSS versi 18.0 untuk kaedah deskriptif, *Exploratory Factor Analysis* (EFA), dan juga AMOS versi 18.0 untuk *Structural Equation Modeling* (SEM) bagi menghasilkan pemetaan model faktor-faktor yang mempengaruhi keterlibatan belia di Malaysia dalam kumpulan gerakan Islam radikal.

HASIL DAPATAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan keputusan ujian dan tindak balas yang diberikan responden terhadap borang soal selidik yang dijalankan. Seramai 782 (34.8%) orang responden terdiri daripada perempuan manakala hanya seramai 418 (34.8%) orang responden lagi adalah lelaki daripada 1200 responden yang terdiri daripada golongan belia yang beragama Islam di lima (5) zon di Malaysia. Bagi pendidikan terakhir, responden yang memiliki SPM adalah seramai 479 (39.9%) orang. Ini diikuti pula dengan responden yang memiliki diploma dalam jurusan tertentu dengan seramai 285 (23.8%) dan seramai 215 (17.9%) orang daripada mereka adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda. Terdapat juga responden yang berpendidikan di peringkat tinggi iaitu sarjana (2.8%) dan PhD (0.8%). Majoriti responden adalah pelajar iaitu seramai 911 (75.9%) orang manakala seramai 267 (22.2%) orang responden yang bekerja. Manakala seramai 22 (1.8%) orang responden lagi bekerja sambil belajar.

Agama Islam adalah agama universal. Ia merupakan agama bagi semua umat Islam atau sebagai agama bagi seluruh dunia. Belia yang mempunyai pegangan agama yang longgar dikhuatiri membawa akibat yang buruk pada diri belia serta dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Oleh yang demikian, Islam memberi kesan kepada tata hidup kemasyarakatan dan kebangsaan khususnya di bumi Malaysia. Fenomena radikalisme yang membuta tuli dalam kalangan umat Islam seringkali dikaitkan dengan tahap kefahaman agama Islam yang rendah. Dengan kemunculan pelbagai kelompok militan yang bercirikan fahaman radikal seperti IS ataupun ISIS, aktiviti keganasan yang telah dilakukan dan bakal dilakukan tersebar luas menerusi media. Hal ini memberikan kesan kepada golongan belia dalam mendedahkan mereka tentang kefahaman yang salah terhadap perjuangan Islam.

Bahagian ini membincangkan tentang pernyataan-pernyataan dalam pemahaman agama yang mungkin mempengaruhi kecenderungan keterlibatan belia dalam gerakan Islam radikal di Malaysia. Merujuk Jadual 1, sebanyak 45.9% responden menjawab tidak tahu apabila ditanya tentang perintah jihad dalam Islam sebagai bukan perintah membunuh tetapi perintah berperang iaitu berupaya mempertahankan diri daripada serangan. Sebanyak 44.6% yang memberi respon tidak dengan pernyataan ini manakala hanya 9.5% yang bersetuju dengan perintah jihad dalam Islam bukan perintah membunuh tetapi perintah berperang iaitu berupaya mempertahankan diri daripada serangan. Majoriti memberi respon untuk tidak menerima tawaran bekerja dan bergaji daripada kumpulan ISIS ini jika mereka diberi peluang iaitu sebanyak 90.4%. Namun begitu, ada juga yang memberi respon “ya” iaitu sebanyak 3.7% di antara mereka yang sanggup mengorbankan kesucian untuk melayani nafsu ahli kumpulan ISIS sebagai jihad.

Seterusnya, kajian ini juga mendapati, daripada skala 1 (sangat tidak bersetuju) hingga skala 7 (sangat bersetuju), secara purata sebanyak 5.22 iaitu bersetuju dengan kenyataan jihad itu merangkumi keseluruhan aktiviti positif yang harus dilakukan seorang muslim secara istiqamah memperbaiki diri. Sementara itu, secara purata menjawab tidak pasti dengan pernyataan *Islamic State of Iraq and Syria* atau *Islamic State in Iraq and al-sham* (ISIS) merupakan sebuah gerakan yang bercita-cita ingin mendirikan negara Islam di kawasan Timur Tengah dengan purata sebanyak 3.83.

Sehubungan dengan itu, respon dengan purata sebanyak 4.34 daripada skala 1 hingga 7 iaitu secara purata responden tidak pasti dengan pernyataan ISIS dikenali sebagai gerakan radikal garis keras dalam melakukan misinya, seperti dengan bom bunuh diri hingga melakukan pembunuhan yang ditujukan terutama kepada warga muslim Syiah dan Kristian. Rata-rata responden sedikit bersetuju dengan pernyataan “saya mengetahui dan memahami konsep perjuangan kumpulan ISIS” kerana secara purata respon responden adalah 3.56 daripada skala 1 hingga 7 iaitu sedikit setuju dalam mereka mengetahui dan memahami konsep perjuangan kumpulan ISIS atau tidak.

Jadual 1 juga menunjukkan responden tidak pasti akan kepercayaan yang mendakwa bahawa kumpulan ISIS adalah kumpulan haram. Responden juga tegas mengatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan perjuangan yang dilakukan oleh kumpulan ISIS pada masa kini adalah sesuai dengan perjuangan menurut Islam dengan purata sebanyak 2.13 daripada skala 1 hingga 7. Akhir sekali, dengan purata sebanyak 2.19 daripada skala 1 hingga 7, responden berpendapat tidak bersetuju dengan konsep jihad kumpulan ISIS adalah sesuai dengan konsep jihad menurut Islam.

Jadual 1: Pemahaman Agama Islam dan Perjuangan Jihad

Pernyataan	Pilihan Jawapan	Peratus (%)
1. Perintah jihad dalam Islam bukanlah perintah membunuh tetapi perintah berperang iaitu berupaya mempertahankan diri daripada serangan.	Ya	9.5
	Tidak	44.6
	Tidak tahu	45.9
2. Jika diberi peluang, adakah anda akan menerima tawaran bekerja dan bergaji daripada kumpulan ISIS ini.	Ya	9.6
	Tidak	90.4
3. Kesanggupan mengorbankan kesucian untuk melayani nafsu ahli kumpulan ISIS adalah jihad.	Ya	3.7
	Tidak	49.9
	Tidak tahu	46.4

Pernyataan	Purata
4. Jihad itu merangkumi keseluruhan aktiviti positif yang harus dilakukan seorang muslim secara istiqomah memperbaiki diri.	5.22
5. Islamic State of Iraq and Syria atau Islamic State in Iraq and al-sham (ISIS) merupakan sebuah gerakan yang bercita-cita ingin mendirikan negara Islam di kawasan Timur Tengah.	3.83
6. ISIS dikenali sebagai gerakan radikal garis keras dalam melakukan misinya, seperti dengan bom bunuh diri hingga melakukan pembunuhan yang ditujukan terutama kepada warga muslim Syiah dan Kristian.	4.34
7. Saya mengetahui dan memahami konsep perjuangan kumpulan ISIS.	3.56
8. Saya percaya dengan dakwaan bahawa kumpulan ISIS adalah kumpulan haram.	4.36
9. Perjuangan yang dilakukan oleh kumpulan ISIS pada masa kini adalah sesuai dengan perjuangan menurut Islam.	2.13
10. Konsep jihad kumpulan ISIS adalah sesuai dengan konsep jihad menurut Islam.	2.19

Seterusnya, analisis kebolehpercayaan telah dilakukan untuk menguji tahap konsisten dalam setiap konstruk (pemahaman agama, pengaruh media sosial, pengaruh persekitaran dan pengaruh kawalan terhadap kecenderungan keterlibatan belia dalam gerakan Islam radikal) yang terlibat dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach's Alpha bagi kebolehpercayaan setiap konstruk. Apabila nilai Cronbach's Alpha lebih tinggi, maka kebolehpercayaan terhadap soal selidik bagi setiap faktor adalah lebih dipercayai. Sementara itu, nilai Cronbach Alpha 0.7 atau yang lebih tinggi dianggap boleh diterima untuk *Structural Equation Modeling* (SEM) (Zainudin, A., 2010). Keputusan dalam Jadual 2 menunjukkan bahawa ujian kebolehpercayaan bagi kajian ini adalah dipercayai kerana nilai Cronbach's Alpha adalah antara 0.598-0.815.

Jadual 2: Ujian Kebolehpercayaan

Faktor	Sub-faktor	N	Cronbach's Alpha
Pemahaman Agama	-	7	0.693
Pengaruh Media Sosial	-	7	0.731
Pengaruh Persekitaran	-	8	0.661
Pengaruh Kawalan	Keluarga	3	0.598
	Sekolah/Institusi	4	
Gerakan Islam Radikal	-	13	0.815

Selepas memeriksa kesahan konstruk dan kebolehpercayaan, semua model pengukuran dihubungkan kepada model penuh kecenderungan penglibatan belia dalam gerakan Islam radikal. Penilaian model struktur diperiksa berasaskan *fitness indices*. Ringkasan keputusan *fitness indices* bagi struktur model ditunjukkan dalam Jadual 3. Nilai indeks tersebut boleh diterima kerana tidak terlampau jauh dari nilai yang disarankan sebagai penanda aras untuk hasil model yang baik.

Jadual 3: Ringkasan Keputusan Fitness Indices bagi Struktur Model

Fitness Indices	Struktur Model	Penanda Aras
CMIN/df	6.395	<3.0
GFI	0.782	>0.9
AGFI	0.795	>0.9
CFI	0.801	>0.9
RMSEA	0.069	>0.8

Bahagian ini juga mengkaji hubungan antara pemahaman agama, pengaruh media sosial, pengaruh persekitaran dan pengaruh kawalan terhadap kecenderungan penglibatan belia di Malaysia dalam gerakan Islam radikal. Jadual 4 menunjukkan *standardized regression weights* bersama nilai anggaran dan nilai signifikan pengukuran model. Keputusan menunjukkan, hanya satu faktor yang tidak signifikan iaitu pengaruh persekitaran dengan nilai signifikan $0.327 > 0.05$. Namun, kesemua faktor yang lain masing-masing adalah signifikan terhadap kecenderungan penglibatan belia di Malaysia dalam gerakan Islam radikal. Jadual 4 juga menunjukkan, faktor pemahaman agama amat memainkan peranan penting dalam kecenderungan belia dalam gerakan kumpulan ini kerana nilai pekali regresi (β) adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan faktor signifikan yang lain iaitu 0.932. Ini diikuti oleh pengaruh kawalan dan pengaruh media sosial.

Jadual 4: Keputusan Standardized Regression Weight dan Nilai Signifikan

Konstruk	Arah	Konstruk	Pekali regresi (β)	S.E	P-value
Pemahaman Agama	-->	Kecenderungan-Gerakan Islam Radikal	0.932	0.095	***
Pengaruh Media Sosial	-->		0.651	0.0875	***
Pengaruh Persekitaran	-->		0.554	0.233	0.327
Pengaruh Kawalan	-->		0.733	0.1087	0.043**

*** menunjukkan nilai signifikan yang tinggi p-value<0.001

** menunjukkan nilai signifikan yang tinggi p-value<0.05

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor kecenderungan penglibatan belia dengan kumpulan ISIS atau kumpulan Islam radikal lain. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa masih sedikit belia di Malaysia yang mengenali dan memahami tujuan perjuangan kumpulan ISIS. Namun begitu, faktor pemahaman agama amat memainkan peranan penting dalam kecenderungan belia dalam gerakan kumpulan ini dan diikuti oleh faktor pengaruh kawalan dan pengaruh media sosial. Hal ini berhubungan dengan pemahaman agama yang mereka perolehi atau pelajari. Sekolah dan sekolah pondok memainkan peranan penting dalam memberi pendidikan dan pemahaman agama yang benar. Kesilapan pemahaman dan pengertian tentang Islam terutama tentang jihad menjadi punca belia terjebak dan menyertai kumpulan Islam radikal ini. Walaupun kajian mendapati masih ramai belia di Malaysia yang kurang tahu atau tidak mengenali kumpulan ISIS serta tidak mengetahui matlamat perjuangan gerakan ini, namun hal ini bukanlah bermaksud tahap kecenderungan penglibatan dan penyertaan belia dalam kumpulan tersebut berkurang. Pengaruh kawalan dan media sosial juga turut memainkan peranan penting dalam pemahaman tentang kumpulan ISIS, serta mampu mempengaruhi dan mendorong belia di Malaysia terlibat dengan kumpulan ISIS. Usaha untuk mencegah penglibatan belia di Malaysia dengan kumpulan ISIS dapat dilakukan dengan memberi pengertian dan pemahaman tentang kumpulan ISIS melalui keluarga dan institusi sekolah atau kampus. Selain itu, pihak kerajaan juga dituntut untuk memainkan peranan penting dalam mengawal penggunaan media sosial dan internet serta memberi sokongan dan bantuan penuh kepada keluarga dan institusi sekolah atau kampus.

RUJUKAN

- Abdul Azis, D. 2012. Jihad. Ensiklopedia Islam, halaman 219.
- Bandura, A. 1997. Social learning theory. New Jersey: Prentice-Hall.
- BERNAMA. 2015. Media Sosial sebagai Medium Komunikasi. Diakses pada 4 Mac 2015 dari <http://www.utusan.com.my>
- Dzuhailmi, D., Steven, E.K., Azimi, H., & Hadi, A.S. 2014. Pegangan agama dalam kalangan belia awal pelbagai kaum di Malaysia. *Journal of Science and Humanity*, 9(1), 117-130.
- Fauziah, I., Norulhuda, S., Khadijah, A., Mohd Suhaimi, M., Noremy, M.A., & Salina, N. 2012. Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 084-093.
- Kamus Dewan. 2014. Dewan Bahasa Pustaka. Kuala Lumpur.
- Khadijah, A., Fauziah, I., Mohd Suhaimi, M., Wan Shahrazad, W. S., Salina, N., & Norulhuda, S. 2013. Tahap pengetahuan agama dalam kalangan banduan Parol: Ke arah pembentukan akhlak sejahtera. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 8(2), 1-10.
- Malaysiandigest.com, 2016. Diakses pada 1Mac 2016 dari <http://www.malaysiandigest.com/bahasa-malaysia/590749-keganasan-bukan-jihad.html>
- Mahmood Zuhdi, A.M. 2003. Keganasan dan Islam: Analisis konsep jihad. *Jurnal Syariah*, 11(2), 1-14.
- Miller, S.A. 2007. *Developmental research method*. 3rd. Ed. California: Sage publication, inc.
- Muhamad Zaki, M., Ainurliza, M.T., Zainol Abidin, A., & Noor Adzrah, R. 2011. Representasi Islam dalam media (Edisi Pertama, pp. 163–174). Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2014. Isu umat Islam Malaysia berjuang atas nama ISIS. Diakses pada 21 Oktober 2015, dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-umat-Islam-malaysia-yang-berjuang-atas-nama-isis-0>
- Rokhmad, A. 2012. Radikalisme Islam dan upaya deradikalisasi paham radikal. *Walisongo*, 20(1), 79-114.
- Rosli Azam. 24 September 2011. Keburukan media massa. Diakses dari azam09.blogspot.com/2011/06/keburukan/media/massa
- Tan Swee, C., & Rosnah, S. 2013. Faktor-faktor sokongan sosial yang mempengaruhi penghargaan sendiri remaja sekolah menengah daerah Melaka tengah. *Journal of Science and Humanities*, 8(1), 020-029.
- Zainudin Awang 2010. *Research methodology for business and social science*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA Publication Centre (UPENA).
- Zakaria Stapa, A.M.I.N.Y. 2012. Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.
- Zul'Azmi, Y., & Ahmad Sunawari, L. 2015. Terorisme sebagai cabaran ideologi Muslim masa kini: Satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought*, 7, 58-63.